

GOYAH ILMU AGAMA PUNCA PENYAKIT SOSIAL

SIRI
AKHIR

PENYAKIT sosial melibatkan remaja bukanlah isu lokal, namun ia sudah kritikal di peringkat global.

Pensyarah Fiqh Semasa, Pusat Fiqh Kontemporari, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim berkata, adalah tidak wajar meletakkan 100 peratus kesalahan kepada teknologi moden, tetapi sikap remaja itu sendiri perlu berubah.

"Diri sendiri yang memilih jalan yang salah dengan menyalah gunakan aplikasi teknologi moden. Remaja masa kini terlalu bebas sama ada di media sosial atau juga dalam pergaulan seharian, mereka benar-benar tiada sempadan," katanya.

Menurutnya, hal ini kerana ilmu agama yang dipasak dalam diri mereka terlalu goyah menyebabkan mereka tiada benteng pertahanan dan perkara seperti ini mendorong kepada isu sosial yang teruk.

"Selain itu, ibu bapa perlu mengawal setiap pergerakan mereka. Perhati laman-laman sosial yang mereka akses.

"Usah hanya tahu menabur wang, manakala

tanggungjawab mendidik anak-anak dilepaskan sepenuhnya kepada guru, kerajaan dan institusi pengajian.

"Sebaliknya institusi rumah tangga itu perlu mesra insan, gejala pornografi, pedofilia adalah isu global yang perlukan perhatian semua pihak," tambahnya.

Dalam pada itu, Mohd Izhar Ariff yang juga ustaz selebriti berkata, program televisyen dan ceramah agama yang berunsur santai dan menghiburkan perlu bijak menawan hati *audiens* muda agar mereka terdidik secara tidak langsung.

